



JABATAN PENGAJIAN TINGGI

KETUA PENDAFTAR

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

ARAS 9, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5,
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62200 PUTRAJAYA

Tel : (603) 8870 6381 Faks : (603) 8870 6840 Web : <http://www.mohe.gov.my>



Rujukan Kami : JPT/GS1000-606 (50)

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pengajian Tinggi Swasta

**PEKELILING SEKTOR PENGURUSAN IPTS, JABATAN PENGAJIAN TINGGI,
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2012**

**PENYAMPAIAN NOTIS NIAT KETUA PENDAFTAR BAGI MENGKENSELKAN
PERAKUAN PENDAFTARAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(IPTS) YANG HANYA MENGENDALIKAN KURSUS JANGKA PENDEK DI
BAWAH SEKSYEN 55 AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996
[AKTA 555]**

TUJUAN

1. Pekeliling ini merujuk kepada surat Syarat Tambahan Yang Dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Di Bawah Seksyen 29 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] no rujukan JPT/GS1000-606(44) bertarikh 23 Disember 2011. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan berkenaan penyampaian notis niat Ketua Pendaftar bagi mengkenselkan perakuan pendaftaran IPTS yang hanya mengendalikan kursus jangka pendek di bawah seksyen 55 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

LATAR BELAKANG

2. IPTS yang bukan bertaraf universiti boleh mengendalikan kursus jangka pendek di samping kursus peringkat sijil, diploma dan ijazah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS)



yang menawarkan kursus jangka pendek sahaja tanpa menawarkan kursus di peringkat sijil, diploma dan ijazah yang lain. Tempoh pelaksanaan kursus-kursus jangka pendek tersebut adalah kurang daripada tiga (3) bulan dan pelajar yang mengikuti kursus tersebut akan dianugerahkan sijil kehadiran sahaja tanpa membawa sebarang kredit.

3. Dalam usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mempertingkatkan mutu dan kualiti pendidikan tinggi, Ketua Pendaftar telah mengeluarkan syarat tambahan kepada IPTS untuk tidak hanya mengendalikan kursus jangka pendek semata-mata iaitu IPTS perlu mengendalikan kursus jangka pendek bersama-sama kursus akademik yang lain sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah. Kuasa Ketua Pendaftar dalam menetapkan syarat tambahan pendaftaran telah jelas dinyatakan di bawah seksyen 29 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Sehubungan dengan itu mana-mana IPTS yang gagal untuk mematuhi sebagai mana di bawah seksyen tersebut, Ketua Pendaftar boleh menyampaikan notis niat bagi mengenselkan pendaftaran IPTS yang hanya mengendalikan kursus jangka pendek sahaja seperti yang termaktub di bawah seksyen 55 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

4. Langkah mengenselkan pendaftaran IPTS tersebut yang hanya mengendalikan kursus jangka pendek sahaja ini diambil kerana tidak memenuhi matlamat penubuhannya yang menekankan penyediaan akses yang lebih luas kepada pelajar dalam pelbagai tahap pengajian. Langkah ini juga diambil bagi mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan IPTS dalam menawarkan pendidikan tinggi swasta yang berkualiti tinggi dan berdaya saing.

PELAKSANAAN

5. Syarat tambahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar di bawah seksyen 29 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] agar IPTS tidak semata-mata mengendalikan kursus jangka pendek berkuat-kuasa serta-

merta mulai 23 Disember 2011. Namun demikian, bagi IPTS yang hanya mengendalikan kursus jangka pendek, pihak IPTS diberikan tempoh dua belas (12) bulan dari **1 Januari 2012** bagi mengendalikan kursus-kursus akademik sama ada peringkat peringkat sijil, diploma dan ijazah di samping kursus-kursus jangka pendek yang telah sedia ada.

6. Sekiranya IPTS berkenaan gagal menawarkan program akademik peringkat sijil, diploma atau ijazah kepada pelajar selepas tempoh dalam dua belas (12) bulan tersebut, maka pihak IPTS telah melanggar syarat ini dan Ketua Pendaftar selanjutnya boleh menyampaikan notis niat bagi mengkenselkan pendaftaran IPTS berkenaan mengikut tatacara sedia ada seperti yang terkandung di bawah seksyen 55 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

KESIMPULAN

7. Langkah yang diambil oleh KPT bagi menyampaikan notis niat Ketua Pendaftar bagi mengkenselkan pendaftaran IPTS yang hanya mengendalikan kursus jangka pendek sahaja dan tiada kursus akademik yang lain diharap dapat memperkasakan lagi IPTS di Malaysia dengan menawarkan kursus-kursus dalam pelbagai tahap pengajian yang berkualiti tinggi dan berdaya saing. Selain daripada itu juga, diharap langkah ini akan dapat memenuhi tujuan asal penubuhan sebuah IPTS sesuai dengan status sebagai penyedia perkhidmatan pengajian tinggi agar hasrat Kementerian bagi menjadikan Malaysia sebagai hab Pengajian Tinggi yang berkualiti dan bertaraf dunia dapat direalisasikan.


KUAT KUASA

8. Pekeliling Penyampaian Notis Niat Ketua Pendaftar Bagi Mengkenselkan Perakuan Pendaftaran IPTS Yang Hanya Mengendalikan Kursus Jangka Pendek Di Bawah Seksyen 55 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Tarikh : 29 Mei 2012

s.k

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pengajian Tinggi

Penasihat Undang-Undang
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
Menteri Pengajian Tinggi

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi